

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (2)



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 21 TAHUN 2020**

**TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2021
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Pejabat Bendahari

28 Disember 2020

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (2)

28 Disember 2020

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 21/2020

TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2021

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan tarikh pembayaran gaji tahun 2021 Universiti Malaysia Kelantan.
- 1.2 Peraturan ini dilaksanakan bagi memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan sempurna dan pembayaran gaji dapat dilakukan mengikut tarikh yang diluluskan bagi mengambilkira kesesuaian dan keperluan staf.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Cadangan tarikh pembayaran gaji bagi tahun 2021 telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan pada 14 Disember 2020 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 20 Disember 2020.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN 1.**
- 3.2 Elaun Lebih Masa
 - 3.2.1 Adalah menjadi tanggungjawab staf untuk memastikan bahawa setiap borang tuntutan kerja lebih masa disertakan

dengan surat arahan dari Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengikut tempoh kerja lebih masa yang dijalankan.

3.2.2 Ketua PTj bertanggungjawab menyemak butiran borang tuntutan kerja lebih masa yang dikemukakan oleh staf serta memastikan baki peruntukan mengurus elaun lebih masa di Fakulti/Jabatan mencukupi.

3.2.3 Sebarang tuntutan hendaklah diluluskan oleh Ketua PTj sebelum atau pada tarikh seperti di **LAMPIRAN 2**.

3.2.4 Kegagalan berbuat demikian menyebabkan pembayaran elaun lebih masa tidak dapat diproses dan akan dibayar pada bulan berikutnya.

3.3 Penyata Perubahan Gaji (Roc) Dan Potongan Kelompok

3.3.1 Bahagian Sumber Manusia hendaklah memastikan bahawa semua maklumat berkaitan pembayaran gaji dan elaun serta potongan kelompok dikemukakan melalui ROC mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di **LAMPIRAN 2**.

3.3.2 Arahan di perenggan 3.3.1 yang diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan akan diproses pada bulan berikutnya.

4. PEMAKAIAN

4.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



JUNAIDAH BINTI BADAR

Bendahari

b.p: Naib Canselor

TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2021

Bulan	Tarikh	Justifikasi
Januari	21.01.2021 (Isnin)	Tahun Baru Cina 12 & 13 Februari 2021 (Jumaat dan Sabtu)
Februari	09.02.2021 (Selasa)	
Mac	16.03.2021 (Selasa)	
April	20.04.2021 (Selasa)	
Mei	06.05.2021 (Khamis)	Hari Raya Puasa 13 & 14 Mei 2021 (Khamis dan Jumaat) Hari Pesta Kaamatan 30 & 31 Mei 2021 (Ahad dan Isnin)
Jun	10.06.2021 (Isnin)	Hari Gawai 1 & 2 Jun 2021 (Selasa dan Rabu)
Julai	14.07.2021 (Rabu)	Hari Raya Haji 20 & 21 Julai 2021 (Selasa dan Rabu)
Ogos	17.08.2021 (Selasa)	
September	21.09.2021 (Selasa)	
Oktober	25.10.2021 (Isnin)	
November	25.11.2021 (Khamis)	Hari Deepavali 4 November 2021 (Khamis)
Disember	20.12.2021 (Isnin)	Hari Krismas 25 Disember 2021 (Sabtu)

**TARIKH AKHIR KELULUSAN ELAUN KERJA LEBIH MASA DAN
PENGHANTARAN ROC TAHUN 2021**

Bulan	Elaun Lebih Masa	Penyata Perubahan Gaji (ROC)
Januari	10.01.2021 (Ahad)	11.01.2021 (Isnin)
Februari	02.02.2021 (Selasa)	02.02.2021 (Selasa)
Mac	07.03.2021 (Ahad)	07.03.2021 (Ahad)
April	08.04.2021 (Khamis)	11.04.2021 (Ahad)
Mei	02.05.2021 (Ahad)	02.05.2021 (Ahad)
Jun	02.06.2021 (Rabu)	02.06.2021 (Rabu)
Julai	05.07.2021 (Isnin)	05.07.2021 (Isnin)
Ogos	08.08.2021 (Ahad)	08.08.2021 (Ahad)
September	09.09.2021 (Khamis)	12.09.2021 (Ahad)
Oktober	10.10.2021 (Ahad)	14.10.2021 (Khamis)
November	10.11.2021 (Rabu)	14.11.2021 (Ahad)
Disember	09.12.2021 (Khamis)	12.12.2021 (Ahad)